

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang 1993/94**

**Oktober - November 1993**

**AKP 401 - PENGAUDITAN**

**Masa : [3 jam]**

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan. Jawab **SEMUA** soalan daripada Bahagian A dan **SATU** soalan daripada Bahagian B dan Bahagian C.

**BAHAGIAN A**

**Soalan 1**

Sebagai seorang Akauntan yang bertauliah, anda telah menerima surat penugasan daripada pelanggan baru Syarikat Serba Pakaian Sdn Bhd, yang mengeluarkan produk pakaian untuk diekspot ke luar negara. Seperti amalan biasa, anda dan rakan kerja bercadang untuk membuat lawatan ke kilang pelanggan sebelum kerja audit dimulakan.

**Dikehendaki**

Bincangkan bagaimana lawatan tersebut boleh membantu anda untuk mendapat maklumat untuk rangka kerja, perancangan dan pelaksanaan audit seterusnya.

[20 markah]

**Soalan 2**

Menurut IAG 8,

"The auditor should obtain sufficient appropriate audit evidence through the performance of compliance and substantive procedure to enable to draw reasonable conclusions therefrom on which to base his opinion on the financial information".

- (i) Nyatakan jenis-jenis bukti audit yang boleh membantu audit dalam pelaksanaan kerja auditnya.
- (ii) Nyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi bukti audit dipertimbangkan oleh juruaudit ketika kerja audit dijalankan.
- (iii) Nyatakan bagaimana bukti audit yang diperolehi daripada "compliance procedures" diambilkira oleh juruaudit dalam mempertimbangkan pandangan ketika kerja audit dijalankan.

[15 markah]

...2/-

Soalan 3

Secara ringkas dan tepat jelaskan maksud berikut dan berikan contoh.

- (a) "Inherent Risk"
- (b) "Tolerable Error"
- (c) Codes of professional ethics mengikut section 10 (a) Accountant ACT 1967
  - (i) "competence and due care",
  - (ii) "confidentiality",
  - (iii) "method of practice".

[15 markah]

BAHAGIAN B

Soalan 4

Dalam prinsip perakaunan yang diterima umum telah dinyatakan mengenai pihak-pihak yang berhubung (related parties). IAG 17, telah menentukan syarat untuk pihak audit mengenal pasti urusan antara pihak berhubung.

- (a) (i) Jelaskan maksud "related parties" yang dinyatakan dalam IAG 17 dan bagaimana cara pembentangan dalam penyata kewangan.
- (ii) Bincangkan proses bagaimana juruaudit dapat mengesan "related parties" dalam urusan syarikat.

[10 markah]

- (b) Apakah prosedur analitikal yang boleh dianggap penting dan boleh digunakan untuk proses pemeriksaan inventori yang wajar untuk setiap pemeriksaan? Terangkan jenis kesalahan yang mungkin boleh ditemui.

[5 markah]

...3/-

Soalan 5

Mengikut IAG 12,

"Substantive procedures are designed to obtain evidence as to the completeness, accuracy and validity of the data produced by the accounting system".

- (a) (i) Nyatakan 2 jenis "substantive procedures" yang boleh membantu anda untuk mengukuhkan bukti audit.
- (ii) Jelaskan, bagaimana proses kajian analitikal dapat membantu anda dalam menjalankan penganalisis penyata pendapatan syarikat.

[10 markah]

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan "stratified sampling"? Jelaskan kepentingannya dalam pengauditan.

[5 markah]

BAHAGIAN C

Soalan 6

Berikut adalah maklumat sistem kawalan dalaman perniagaan yang menjalankan aktiviti perkilangan.

- (a) Ketika Encik Arumugam membuat tempahan untuk membeli bahan-mentah, beliau juga telah menghantar salinan tempahan belian itu kepada bahagian penerimaan syarikatnya. Ketika bahan-mentah dihantar, Encik Neo sebagai kerani penerimaan telah merekod resit penerimaan belian ke atas borang tempahan belian. Selepas merekod, En. Neo menghantar pesanan belian kepada bahagian perakaunan untuk tujuan merekod belian dan akaun belum bayar. Bahan belian telah dipindahkan kepada kawasan stor melalui kereta tolak. Baki belian bahan yang telah dibeli direkod dalam rekod stor.
- (b) Setiap hari pekerja Syarikat ABC masuk kerja menggunakan kad masa. Penjaga masa akan mengutip semua kad tersebut seminggu sekali dan dihantar kepada bahagian pengiraan jumlah masa. Kemudian data daripada kad masa dipindahkan kepada "punch cards". "Punch card" diguna untuk menyediakan dan agihan kos buruh, jurnal gaji, dan cek gaji. Bendahari Syarikat En. Ali akan membuat perbandingan jurnal gaji dengan cek gaji dan cek akan ditandatangani dan kemudian di pulangkan kepada En. Baba iaitu penyelia di bahagian pentadbiran. Cek gaji akan diagihkan kepada pekerja oleh En. Baba.

Dikehendaki

- (i) Nyatakan kelemahan kawalan dalaman untuk sistem-sistem di atas.
- (ii) Untuk setiap kelemahan, nyatakan jenis kesalahan yang mungkin wujud.

[20 markah]

...4/-

(c) Bincangkan kaitan berikut:

Audit ← Risiko ← Materiality

[15 markah]

Soalan 7

Anda ditugaskan untuk mengaudit jualan dan pusingan kutipan untuk Syarikat Kerjasama Awam yang beroperasi tanpa untung. Syarikat mempunyai status yang baik tetapi mempunyai kelemahan dalam tatacara menyimpan rekod. Disebabkan oleh kakitangan yang tidak ramai syarikat telah tidak berupaya untuk mengawal prestasi kawalan dalaman. Tahun lepas akauntan telah menemui beberapa kesalahan dalam menghantar "invoice", kutipan dan akaun belum terima. Syarikat mempunyai dua puluh angka yang besar dalam akaun belum terima untuk harta dan peralatan.

Syarikat memohon pinjaman daripada Bank BBMB dan Bank UMBC. Kedua-dua bank telah memberi tahu pihak pengurus bahawa pinjaman tidak akan diberikan lagi untuk tempoh akan datang memandangkan keadaan ekonomi dianggap tidak stabil.

Untuk tahun lepas, jawapan daripada pelanggan mengenai pengesahan adalah tidak memuaskan. Pelanggan yang tidak memberi jawapan tidak faham tujuan pengesahan dibuat dan baki hutang yang sebenar. Untuk tahun ini anda mengalami masalah yang sama mengenai pengesahan akaun beli terima.

Anda dapati kawalan tunai adalah ditahap yang memuaskan, penipuan adalah agak kecil dan tidak "material". Anda mencurigai tentang kesalahan yang tidak disengajakan dalam proses menghantar bil, cara merekod jualan, penerimaan/resit, tunai, akaun belum terima dan hutang lapuk.

Dikehendaki

- (a) (i) Apakah masalah besar yang dihadapi oleh syarikat dalam risiko audit?  
(ii) Apakah jenis "inherent risk" yang perlu dipertimbangkan?  
(iii) Apakah jenis pemeriksaan (test) yang perlu untuk audit jualan dan pusingan kutipan?

[15 markah]

(b) Nyatakan sama ada anda perlu menyempurnakan jenis-jenis pemeriksaan dalam kes di atas.

- (i) "compliance",  
(ii) "substantive",  
(iii) "analytical review".

[10 markah]

(c) Apakah yang dimaksudkan dengan PAJE? Berikan contoh dan jenis-jenis PAJE yang boleh dicadangkan oleh juruaudit kepada pihak pelanggan.

[10 markah]